


Godam beretika

BEBERAPA daripada 11 kumpulan peserta penganjuran sulung Borneo Cybersecurity Challenge 2017 yang diadakan di UMS di Kota Kinabalu, Sabtu. Cabaran selama 12 jam itu dibahagikan kepada Pertandingan Godam dan Pertahan, dan Cabaran Forensik Digital.

Pertandingan itu yang bermula 16 tahun lalu di semenanjung, dilihat sebagai satu platform baik bagi peserta mendapat pengetahuan atau, bagi sesetengah lagi, mendapat pekerjaan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pemenang akan membawa pulang RM3,000 dan peluang untuk menjadi pelatih di SKMM dengan prospek ditawarkan pekerjaan tetap. — Tracy Patrick



Makmal Forensik Digital bantu tumpas jenayah siber

Tracy Patrick DE 9.4.2017 2
KOTA KINABALU: Kegiatan jenayah siber di negara ini meningkat kerana ramai penjenayah mengeksploitasi kelajuan, kemudahan dan ketanpamaan Internet untuk melakukan jenayah, sama ada fizikal atau maya.

Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Zulkarnain Mohd Yasin berkata kaedah yang digunakan oleh penjenayah-penjenayah ini juga semakin rumit.

“Untuk menangani isu ini, SKMM telah mewujudkan Makmal Forensik Digital untuk membantu dalam siasatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan jenayah siber di Malaysia,” katanya, menambah Jabatan Forensik Digital menerima 854 kes sejak 2013.

Zulkarnain berkata demikian dalam ucapan dasarnya pada pelancaran Borneo Cyber Security Challenge 2017 di sini, Sabtu.

Beliau berkata, hanya menguatkuasakan undang-undang untuk menyelesaikan masalah keselamatan maklumat adalah tidak mencukupi.

Justeru, SKMM berhasrat untuk membangkitkan kesedaran ke arah meningkatkan tahap dan kualiti pendidikan serta etika dalam keselamatan maklumat melalui pelbagai program termasuk Klik Dengan Bijak serta kerjasama dalam siri pertandingan siber yang meliputi forensik digital, menggodam secara beretika dan pertahanan, katanya.

“Dengan itu, acara hari ini adalah sebahagian daripada inisiatif SKMM untuk memperkasakan orang ramai, khususnya belia, dengan pengetahuan dalam bidang IT dan komunikasi.

“Selaras dengan Transformasi Nasional (TN50) kita yang diperincikan dalam Bajet 2017, kami mahu membangunkan satu generasi bakat tempatan dan membentuk sebuah negara berkaliber tinggi serta pemikiran cemerlang,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata suruhanjaya melobi supaya akses jalur lebar ditingkatkan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar, sama ada dengan menambah kelajuan akses jalur lebar di kawasan bandar atau berpenduduk padat, menyediakan akses jalur lebar di luar bandaraya atau mewujudkan Pusat Internet 1Malaysia (Pi1M).

“Dengan lebih 77.9 peratus penembusan jalur lebar di seluruh negara, kita semakin dekat dalam usaha untuk merapatkan jurang digital,” katanya.

Pertandingan Borneo Cybersecurity Challenge 2017 adalah kerjasama antara SKMM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan dilihat sebagai satu cara untuk mengukuh, menggalak dan memupuk kerjasama antara kedua-dua pihak.

Pembabituan SKMM dan UMS memberi impak positif dalam mewujudkan kesedaran dalam kalangan awam tentang etika Internet yang betul dan mengelak jenayah siber, sama ada sedar atau tidak.